

TEKS UCAPAN

MAJLIS PENYEMPURNAAN PERLAMPUAN JALAN DI SEPANJANG LEBUHRAYA KAJANG – SEREMBAN (LEKAS) & KEMPEN KESELAMATAN SEMPENA TAHUN BARU CINA 2016

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera Salam Satu Malaysia

YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan,
Menteri Besar Negeri Sembilan

YB Dato' Haji Mat Ali Bin Hassan
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

YBhg. Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Hj. Ismail bin Md. Salleh
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Y.Bhg. Tan Sri Abdul Halim Bin Ali
Pengerusi Kumpulan IJM Berhad

YBrs. Encik Abdul Razak bin Jaafar
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)
Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Soam Heng Choon
Ketua Pegawai Operasi Merangkap Pengarah Urusan Kumpulan IJM Berhad

Y.Bhg. Dato' Ir. Ng Chong Yuen
Pengerusi Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd

Dif-dif kehormat,, wakil-wakil media, wakil-wakil syarikat konsesi, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan LEKAS yang telah sudi menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan Penyempurnaan Lampu Jalan di Sepanjang Jajaran Lebuhraya Kajang-Seremban atau lebih dikenali sebagai Lebuhraya LEKAS. Saya juga turut gembira di atas kehadiran YAB Dato' Seri Utama Mohammad Bin Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan yang turut hadir pada hari yang bersejarah ini untuk merasmikan bersama majlis penyempurnaan perlampuan jalan ini. Kehadiran beliau mencerminkan kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang akan memberikan pelbagai manfaat kepada rakyat sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran pemimpin-pemimpin tempatan, pegawai-pegawai daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan serta pegawai-pegawai Kerajaan Negeri.

PEMASANGAN LAMPU JALAN DI KESELURUHAN JAJARAN LEKAS

Hadirin Sekalian,

3. Pembinaan dan pembukaan sistem rangkaian lebuh raya yang bersepadu merupakan antara elemen yang penting dalam memacu pembangunan ekonomi negara. Sistem rangkaian lebuh raya yang bersepadu ini akan merangsang sektor perniagaan dan perdagangan di negara kita. Di samping itu, ia juga akan meningkatkan keefisyenan sistem pengangkutan negara yang secara langsung akan memastikan aktiviti ekonomi berjalan lancar dan seterusnya menarik minat para pelabur untuk melabur di Malaysia. Dalam hal ini, sistem rangkaian lebuh raya yang digerakkan oleh Kerajaan melalui Dasar Penswastan telah memberikan pelbagai kesan pengganda kepada ekonomi negara yang seterusnya meletakkan Kerajaan dalam landasan yang sewajarnya untuk mencapai visi Negara Berpendapatan Tinggi menjelang tahun 2020. Kementerian Kerja Raya turut memberi penekanan dalam menyediakan kemudahan lebuh raya yang efektif bagi menyuraikan kesesakan lalu lintas di kawasan-kawasan komersil utama dan perindustrian.

Saudara-saudari sekalian,

4. Pada hari ini, kita dapat menyaksikan penyempurnaan projek pemasangan lampu jalan di keseluruhan jajaran Lebuhraya LEKAS yang akan memanfaatkan para pengguna Lebuhraya LEKAS. Projek yang mengambil masa 8 bulan ini telah mula dilaksanakan pada 1 April 2015 dan berjaya disiapkan mengikut jadual pada 31 Disember 2015. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam projek pemasangan lampu jalan di keseluruhan jajaran Lebuhraya LEKAS ini.

5. Saya telah dimaklumkan bahawa syarikat konsesi Lebuhraya LEKAS telah membelanjakan sebanyak RM16 juta untuk pemasangan lampu jalan di sepanjang 25km yang mana pemasangan lampu jalan ini melengkapkan keseluruhan pelampuan jalan lebuhraya ini. Saya juga telah dimaklumkan bahawa pemasangan lampu jalan di 25km ini melibatkan 549 batang tiang dan menggunakan lampu LED yang jimat tenaga dan mesra alam. Keseluruhan lampu sedia ada di kawasan plaza tol dan juga persimpangan bertingkat jajaran lebuhraya ini juga akan ditukar kepada jenis LED secara berperingkat. Dalam hal ini, syarikat konsesi Lebuhraya LEKAS telah membelanjakan tambahan RM1 juta bagi menukar lampu jenis *High Pressure Sodium Vapour* (HPSV) kepada lampu LED di bangunan dan lampu limpah di Plaza Tol Setul dan laluan utama Setul.

6. Saya yakin, dengan adanya penambahbaikan ini, Lebuhraya LEKAS mampu menjadi salah satu laluan yang selesa dan selamat kepada pengguna lebuhraya. Harapan saya, agar pihak syarikat konsesi Lebuhraya LEKAS dapat meneruskan kecemerlangan dalam menyelenggara lebuhraya dan terus mempertingkatkan kemudahan yang ada agar ianya dapat menjadi pilihan utama bagi pengguna lebuhraya.

KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA

Para Hadirin yang Dihormati Sekalian

7. Perayaan Tahun Baru Cina 2016 akan disambut dalam masa beberapa hari sahaja lagi. Sebagaimana lazimnya, perayaan ini begitu dinanti-nantikan bukan sahaja oleh masyarakat Cina tetapi juga seluruh masyarakat majmuk Malaysia.

Dalam saat-saat seumpama ini, jumlah pengguna lebu raya pasti meningkat dan jalan-jalan raya di serata negara akan bertambah sesak. Kerajaan menjangkakan pertambahan trafik sebanyak 30% di lebu raya-lebu raya utama seperti Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1) pada musim perayaan Tahun Baru Cina. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan risiko berlakunya kemalangan. Kerajaan dan saya secara peribadi amat prihatin serta sedih dengan kes-kes kemalangan yang berlaku terutamanya apabila kemalangan tersebut turut mengorbankan nyawa dan mengakibatkan keduakaan kepada keluarga mangsa.

8. Tidak berbaloi jika kita memiliki lebu raya dan jalanraya kelas pertama tetapi disebabkan sikap sesetengah pengguna jalanraya yang tidak mematuhi peraturan, membawa kepada berlakunya kemalangan sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa. Dari rekod dan analisa yang dibuat, faktor manusia merupakan penyumbang terbesar yang menyebabkan berlakunya kemalangan iaitu melebihi 80%.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

9. Keselamatan pengguna jalan raya dan lebu raya merupakan keutamaan tertinggi (*outmost priority*) kementerian ini. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan sebanyak **RM27.8 juta** untuk melaksanakan *rehabilitative works* di 60 lokasi jalan raya dan lebu raya yang kerap berlaku kemalangan pada tahun 2015.

10. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat konsesi lebu raya telah membelanjakan sejumlah wang mereka untuk meningkatkan aspek-aspek keselamatan di lebu raya masing-masing. Antaranya, seperti penggunaan turapan jenis '*micro surfacing*', penambahan peralatan keselamatan seperti pemasangan papan tanda LED, '*flashing amber*', '*transverse bar*' , '*rolling barrier*' dan sebagainya.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Sempena musim perayaan yang bakal tiba, Kerajaan telah mengeluarkan **arahan henti kerja (*stop order work*)** di lebu raya kecuali bagi kerja-kerja kritikal sahaja **untuk tempoh 14 hari hari iaitu bermula dari 1 Februari 2016** sehingga

15 Februari 2016. Langkah ini dapat mengurangkan kesesakan di lebuhraya yang disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan.

12. Pada masa yang sama, **pelaksanaan larangan penggunaan kenderaan berat** di jalan dan lebuhraya akan dikuatkuasakan oleh pihak **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)** selama empat (4) hari iaitu pada **6 Februari dan 7 Februari 2016** serta **13 Februari 2016 dan 14 Februari 2016** kerana dijangka akan berlaku peningkatan trafik pada hari-hari tersebut.

13. Selain itu, Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) akan mengambil inisiatif-inisiatif berikut untuk mengurangkan kesesakan dan memastikan keselamatan pengguna terjamin melalui langkah-langkah antaranya:-

- Menyediakan *Travel Time Advisory* untuk pengguna Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur 1;
- Menempatkan anggota pasukan PDRM dan RELA di kawasan lalulintas di plaza tol dan kawasan Rehat & Rawat (R&R) untuk tujuan kawalan trafik dan keselamatan;
- Mengaktifkan laluan *contra flow* di beberapa lokasi lebuhraya yang sesak dengan kerjasama Polis Di Raja Malaysia (PDRM);
- Membuka semua lorong termasuk menyediakan lorong tambahan di plaza tol untuk mempercepatkan transaksi tol;
- Menempatkan kren dan kembalikan (*tow-truck*) di lokasi-lokasi strategik bagi proses pemindahan kenderaan yang rosak dan yang terlibat dengan kemalangan; dan
- Menyediakan pasukan *Emergency Response Team* yang terdiri dari pasukan Bomba, Ambulans, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), St John Ambulans dan lain-lain di kawasan R&R yang terpilih.

14. Namun demikian, segala usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan mahupun PSKLM pastinya menjadi sia-sia seandainya pengguna jalanraya sendiri tidak mengamalkan budaya pemanduan berhemah seperti:

- Merancang Perjalanan Anda;
- Pastikan Anda Mendapat Rehat Yang Secukupnya;
- Pakai Tali Pinggang Kaledar Ketika Memandu;
- Periksa Kenderaan Anda;
- Patuhi Had Laju;
- Patuhi Lampu Isyarat;
- Awasi Jarak Selamat Anda;
- Jangan Memotong di Garisan Berkembar;
- Jangan Memandu Secara Berbahaya; dan
- Elakkan Penggunaan Lorong Kecemasan.

15. Justeru, saya menyeru semua pengguna jalan raya dan lebuhraya, pandulah dengan berhemah dan patuhilah peraturan jalan raya yang telah ditetapkan bagi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya sekaligus menjadikan musim perayaan kita sesuatu yang diraikan dan bukannya untuk bersedih akibat kemalangan yang menimpa. Hasrat kerajaan untuk mengurangkan kemalangan tidak akan tercapai tanpa sokongan dan dokongan dari tuan-tuan dan puan-puan. Oleh itu sama-samalah kita membetulkan tekad dan berusaha bagi mengurangkan kejadian kemalangan akibat dari sikap dan kealpaan kita sendiri.

Hadirin sekalian

16. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sembilan, Lembaga Lebuhraya Malaysia, syarikat konsesi Lebuhraya LEKAS dan semua pihak yang terlibat dalam projek ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih